

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) statistik bilangan hartanah yang dimiliki oleh warga asing di Johor Bahru; dan
- (b) usaha-usaha untuk mengawal pemilikan hartanah oleh warga asing di Johor Bahru bagi mengelakkan kenaikan harga hartanah oleh pemaju.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Statistik Bilangan Hartanah yang Dimiliki oleh Warga Asing di Johor Bahru

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), terdapat sebanyak 141 transaksi oleh warga asing dalam sektor kediaman direkodkan di Johor Bahru pada tahun 2018. Ini melibatkan nilai transaksi sebanyak RM206,001,219.00.

Usaha-Usaha untuk Mengawal Pemilikan Hartanah oleh Warga Asing di Johor Bahru

1. Antara usaha untuk mengawal pemilikan hartanah oleh warga asing ialah :-
 - i. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) telah mengemas kini Garis Panduan Perolehan Hartanah yang berkuat kuasa bermula pada 1 Mac 2014 iaitu had nilai minimum RM1 juta bagi perolehan hartanah oleh kepentingan asing. Walau bagaimanapun, pemakaian garis panduan ini tertakluk kepada bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri termasuk negeri Johor.
 - ii. Kementerian ini telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan pada 2018 supaya memperkenalkan mekanisme 15% duti setem daripada harga hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas yang dibeli oleh warga asing.
 - iii. Kementerian Pelancongan juga disarankan supaya mengkaji semula pelaksanaan program *Malaysia My Second Home* (MM2H) dengan menetapkan syarat dan kriteria yang lebih ketat dalam pemilikan hartanah melalui program ini.
2. Pelaksanaan terhadap mekanisme ini dilihat dapat meningkatkan hasil negara sekali gus dapat mengawal pemilikan hartanah perumahan oleh warga asing serta menangani peningkatan harga rumah.

Sekian, terima kasih.